

HIDUP DAMAI BERSAMA DALAM HUBUNGAN KELUARGA BEZA AGAMA: MENINJAU PENGALAMAN SAUDARA BARU DAN KELUARGA BUKAN MUSLIM DI SABAH

(Peaceful Coexistence in Mixed-Faith Family Relation: Reviewing The Experience of New Muslim and Non-Muslim Family in Sabah)

MOHD NAZMI MOHD KHALLI, SURAYA SINTANG* & KHADIJAH MOHD
KHAMBALI @ HAMBALI

ABSTRAK

Keluarga beza agama ialah sebuah keluarga yang berlatar belakangkan kepelbagaian anutan dan kepercayaan dalam keluarga. Hubungan ini terbentuk sama ada disebabkan penukaran agama dalam ahli keluarga, ataupun pasangan suami isteri yang berkahwin dan masih ingin mengekalkan agama asal mereka. Di Sabah, kelompok hubungan ini cukup sinonim dengan identiti negeri yang meraih kepelbagaian agama. Tambahan pula, peningkatan bilangan saudara baru saban tahun menjadikan kelompok keluarga beza agama begitu ketara di Sabah. Jika diselami hubungan keluarga campuran ini, kebanyakan kajian awal telah menjelaskan bentuk hubungan di peringkat awal antara saudara baru dan keluarga bukan Muslim adalah bersifat tegang, akan tetapi ianya hanya bersifat sementara dan kembali damai semula. Justeru, kajian ini bertujuan ingin memaparkan pengalaman hidup damai bersama dalam keluarga beza agama berdasarkan amalan yang dipraktikkan oleh saudara baru dan keluarga bukan Muslim. Data diperolehi menggunakan metode kualitatif dengan tumpuan kaedah temu bual ke atas responden yang dipilih secara rawak dan diwakili oleh saudara baru dan keluarga bukan Muslim di beberapa lokasi daerah Sabah. Hasil dapatan menjelaskan suasana hidup damai bersama yang ditonjolkan dalam hubungan ini adalah bertitik tolak daripada ikatan kekeluargaan yang masih ingin dikekalkan. Sikap timbal balik seperti saling menghormati dan memahami menjadi asas kepada pergaulan semasa mereka seperti makan dan tinggal bersama sehingga mampu menyambut perayaan bersama dalam keluarga yang berbilang agama. Amalan-amalan ini menjadi penghubung kepada keutuhan hubungan keluarga meski dibatasi dengan peraturan agama yang berbeza. Suasana ini berupaya dijadikan satu tamsilan kepada masyarakat Malaysia bagaimana pergaulan yang dicampuri dengan kepelbagaian agama masih mampu melestarikan hidup damai bersama.

Kata kunci: Keluarga beza agama; saudara baru; keluarga bukan muslim; ikatan kekeluargaan; hidup damai bersama

ABSTRACT

Mixed-faith family is a family with a diverse background and beliefs in family. This relations formed either due to a change of religion in a family member or a married couple who still want to maintain their original faith. In Sabah, this group of relations is quite synonymous with this state's identity, which achieves religious diversity. Furthermore, the number of new Muslims every year makes a mixed-faith family so significant in Sabah. If we immerse

ourselves in these mixed family relations, most of the preliminary studies have explained that the form of relations in the early stages is tense. Still, it is only temporary and peaceful again. Thus, this study aims to display the experience of peaceful coexistence in different religious families based on new Muslims and non-Muslim families' practices. Data were obtained using qualitative methods with the interview method's focus on respondents who were randomly selected and represented by new Muslims and non-Muslim families in several district locations in Sabah. The findings show that the atmosphere of peaceful coexistence highlighted in this relationship is a starting point from the family bond that still wants to be maintained. Reciprocity such as mutual respect and understanding is the basis of their current association, such as eating and living together to be able to celebrate the festival together in a mixed-faith family. These practices are a link to the integrity of family relations despite being limited by different religious rules. This atmosphere can serve as an example to the Malaysian society of how the association mixed with religious diversity can still preserve a peaceful coexistence.

Keywords: mixed-faith family; new Muslim; non-Muslim family; family bond; peaceful coexistence

PENDAHULUAN

Hidup damai bersama atau *peaceful coexistence* membawa maksud “*a living together in peace rather than in constant hostility*” (Merriam Webster 1828). Dalam Islam pula merujuk kepada *al-ta'ayush al-silmi* yang bererti kehidupan secara aman dan damai bersama (Zulkifli 2018). Kedamaian menjadi salah satu tuntutan dalam setiap kehidupan berkeluarga. Namun, melihat kepada realiti hubungan keluarga berbeza agama, hubungan damai yang sudah lama terbina terganggu, bermasalah dan semakin tegang akibat perubahan agama dalam ahli keluarga. Situasi tegang ini tidak hanya didasari oleh perbezaan agama yang melibatkan kepada peraturan dan kewajipan agama yang berlainan. Tetapi, hakikatnya disebabkan rentetan ketidaksediaan pihak keluarga terhadap perubahan yang berlaku. Hubungan mula dilihat semakin renggang dan tidak diendah, penyisihan, dan pertentangan secara terang-terangan yang menyebabkan perbalahan dalam ahli keluarga (Sahad et al. 2013). Bahkan, menampakkan kesan psikologi yang berpunca daripada ketidakrekaan ahli keluarga terhadap perubahan yang berlaku secara drastik (Hamdanah 2018).

Di Sabah, keluarga beza agama adalah satu bentuk fenomena sosial yang melibatkan perbezaan agama dalam sebuah keluarga yang begitu ketara sekali (Mohd Nazmi et al. 2021, Suraya et al. 2022a, b, d). Lazimnya, beberapa kajian awal tersebut telah menyatakan bahawa fasa awal hubungan keluarga beza agama sememangnya mengalami ketegangan. Malahan, ketegangan tersebut hanya bersifat sementara dan akan kembali pulih seperti sedia kala. Penjelasan ini telah dibuktikan melalui kajian kes oleh Suraya (2012) dalam penulisan tesis beliau bertajuk Dialog Kehidupan dalam Pengalaman Saudara Baru di Sabah dan Mohd Nazmi (2022) bertajuk Nilai Rahmah dalam Hubungan Keluarga Beza Agama di Keningau, Sabah. Kedua-dua dapatan kajian tersebut menyatakan, perubahan suasana tegang kepada damai mengambil tempoh tertentu pemulihan lantaran memerlukan usaha untuk menjernihkan semula hubungan keluarga.

Dengan demikian, makalah ini ingin meninjau hidup damai bersama yang dialami oleh saudara baru dengan keluarga bukan Muslim berdasarkan amalan mereka dalam melestarikan hubungan damai berkeluarga. Kajian ini berpandukan pendekatan kualitatif dengan memfokuskan kaedah temu bual kepada beberapa keluarga beza agama terpilih di sekitar Sabah. Setiap informan diberikan kod yang ditunjukkan dalam dapatan. Kemudian, hasil dapatan di lapangan dianalisis mengikut kesesuaian kandungan temu bual yang dikongsikan oleh para informan yang memaparkan situasi sebenar hidup damai bersama dalam konteks hubungan keluarga berbeza agama di Sabah.

INTERAKSI KEKELUARGAAN SAUDARA BARU DENGAN BUKAN MUSLIM MENURUT ISLAM

Keluarga merupakan salah satu kelompok atau kumpulan manusia yang hidup bersama sebagai satu kesatuan atau unit masyarakat yang terkecil dan kebiasaannya melalui pertalian darah. Menurut sosiologi, sebuah keluarga ditakrifkan sebagai skop komuniti yang terkecil yang melibatkan suami, isteri dan anak-anak. Definisi ini termasuk dimensi pertalian darah dan dimensi hubungan sosial. Di dalam dimensi pertama, keluarga dapat dibezakan melalui keluarga besar (*extended family*) dan keluarga teras (*nuclear family*), sedangkan dalam definisi berkeluarga dilihat sebagai perpaduan sosial di mana interaksi dan pengaruh kebersamaan, walaupun mereka tidak berkait dengan yang lain melalui pertalian darah (Hamdanah 2018).

Menurut Islam, keluarga merujuk kepada perkataan bahasa Arab iaitu *al-usratu* yang berasal dari kata *al-usru* yang mempunyai erti secara bahasa “ikatan”. Namun, lazimnya perkataan keluarga yang seringkali digunakan dalam Islam adalah “*al-ahl*” berbanding *al-usru*. *Al-ahl* dalam bahasa Arab mempunyai maksud “damai” dan “sentosa”. Hal ini kerana dalam Islam keluarga tidak hanyalah sebuah ikatan, melainkan adalah sumber ketenangan diri dan ketentraman (Abdul Ghani 2004). Dalam al-Quran juga mengguna pakai perkataan keluarga kepada *ahlun* iaitu keluarga yang senasab dan seketurunan (al-Raghib 2004), *qurba* iaitu keluarga yang mempunyai kerabat dan ahli waris (Shawi 1993), dan ‘*asyirah* iaitu keluarga yang mempunyai keturunan yang ramai (al-Raghib 2004).

Dalam konteks hubungan keluarga saudara baru dengan bukan Muslim, asasnya Islam tidak melarangnya apatah lagi melibatkan hubungan kekeluargaan. Mohd Farid (2008) menyatakan, interaksi antara Muslim dengan Muslim dilihat dalam beberapa aspek seperti penjelasan mengenai peraturan agama, mengelak salah faham, dan keinginan membentuk jalinan persefahaman. Menurut al-Quran pula merujuk kepada kalimah *lita‘arafu* dalam surah al-Hujurat ayat 13, yang bermaksud saling mengenali sebagai kaedah pertama interaksi sebelum membentuk persefahaman.

Perkara ini sejajar dengan pandangan Sayyid Qutb (1996), komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasaran menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Kaedah nasihat pula diaplikasikan melalui komunikasi secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia dan bukannya melalui ancaman dan tegahan yang boleh mengaibkan mereka atas segala tindakan yang dilakukan. Penguasaan kaedah komunikasi yang bersesuaian ini penting dalam rangka membina hubungan yang harmoni serta mampu menghindarkan sebarang bentuk kekeliruan dan salah faham yang bakal timbul hasil daripada kesilapan penggunaan kaedah komunikasi semasa berinteraksi.

Maka, untuk tujuan mengekalkan hubungan keluarga yang berpanjangan, perlunya kepada satu tindakan sejajar dalam Islam kerana perkara sebegini melibatkan tindakan seorang saudara baru yang kini tertakluk dengan syariat Islam. Sememangnya telah difahami, faktor penukaran agama menjadi faktor keretakan hubungan keluarga. Namun, bagi seseorang yang baru sahaja memeluk agama Islam, seharusnya tetap mengekalkan hubungan mereka dengan keluarga sekalipun berbeza agama. Dalam hal ini, Umi dan Zuliza (2020) menyenaraikan beberapa kaedah interaksi sebagai tanggungjawab seorang saudara baru dalam menyantuni keluarga mereka yang bukan beragama Islam terutama kepada kedua-dua ibu bapa mereka.

1. Tanggungjawab menghormati dan menyayangi. Islam sangat mengutamakan saling menghormati dan menyayangi kepada kedua-dua ibu bapa. Walaupun saudara baru berbeza agama dengan keluarga mereka, namun kewajipan berbuat baik dengan ibu bapa masih kekal selagi mana mereka bukan Muslim tidak mengundang sebarang bentuk kesalahan yang ditegah dalam Islam. Hal ini sebagaimana peristiwa Nabi Ibrahim AS sewaktu baginda bertegas dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya termasuklah bapanya yang bukan beragama Islam. Namun, baginda tetap melayani bapanya dengan baik dan

menghormatinya sebagai seorang yang menjaganya semenjak kecil (al-‘Adawi t.th). Sementara dalam al-Quran juga turut menjelaskan kewajiban seorang anak kepada orang tua mereka sebagaimana yang direkodkan dalam surah al-Isra’ ayat 23-24.

2. Tanggungjawab menziarahi keluarga. Islam sangat menggalakkan budaya menziarahi sebagai satu kaedah yang boleh merapatkan hubungan silaturahim. Dalam sebuah hadis menyatakan, “barang siapa yang suka diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah menyambung persaudaraan,” (Al-Bukhari, no. hadis 5639).
3. Tanggungjawab memberi nafkah. Walaupun berbeza agama, tanggungjawab seorang anak untuk terus memberi nafkah kepada orang tua mereka mestilah terus dilaksanakan walaupun bukan dalam bentuk wang ringgit. Hal ini ditegaskan dalam al-Quran surah Luqman ayat 15 yang menyatakan terus berbuat baik dengan kedua-dua ibu bapa. Menurut al-Qurtubi (1967) mengenai ayat ini dengan mengaitkan kisah Saad ibn Abi Waqqas yang dibantah dan diugut oleh ibunya yang bukan Islam untuk mogok dengan menahan kelaparan oleh kerana beliau memeluk Islam. Saranan di sebalik kisah tersebut diterangkan melalui surah ini agar terus menjaga perhubungan silaturahim dan juga menziarahi dan menafkahi kedua-dua ibu bapa bukan Islam. Hal ini turut ditegaskan oleh al-Khin (2011) bahawa kewajiban seorang saudara baru dalam menafkahi ibu bapanya mestilah dilaksanakan walaupun berbeza agama. Bertepatan dengan hadis yang dibawakan, “Ibuku menemuiku. Dia masih belum memeluk agama Islam. Ketika itu perjanjian damai antara orang Islam dengan orang kafir Quraisy telah termeterai. Kemudian, aku meminta fatwa daripada Rasulullah SAW dengan berkata: Wahai Rasulullah! Ibuku datang sedangkan ibuku membenci Islam. Adakah aku perlu menghubungkan silaturahim dengannya? Lantas Baginda bersabda: Lakukanlah,” (Muslim, no. hadis 2552).
4. Tanggungjawab menghadiri upacara pengebumian. Menurut Ahmad Shalaby (2001), Rasulullah SAW memberi penghormatan kepada jenazah bukan Muslim seperti berdiri ketika jenazah melintasinya, pernah mengusung jenazah, melawat pesakit dan meraikan mereka yang bukan beragama Islam. Sementara dalam mazhab Syafie, orang Islam dibenarkan untuk memandikan, mengkafankan, sehingga dibolehkan untuk menguburkan orang bukan Islam (Az-Zuhaili 2011). Hal ini bertepatan dengan sebuah riwayat hadis, telah datang Ali RA kepada Nabi SAW lalu berkata: “Sesungguhnya Abu Talib telah mati.” Berkata Nabi SAW: “Pergilah dan kebumikannya dia.” Berkata Ali RA: “Dia mati sebagai penyembah berhala.” Kata Nabi SAW: “Pergilah dan kebumikannya dia.” Setelah selesai menguburkannya, Ali RA kembali kepada Nabi SAW Maka kata Nabi SAW kepadaku: “Mandilah,” (An-Nasa’i, no. hadis 190).

Kemudian, dalam membangunkan ciri keluarga harmoni pula, Islam telah menggariskan panduan kebahagiaan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan hadis. Bahkan, Nabi Muhammad SAW sendiri merupakan contoh panduan yang terbaik dalam membangunkan suasana keluarga yang harmoni. Islam memandang institusi sebuah keluarga yang terbina berdasarkan pernikahan sebagai suatu perjanjian yang kukuh (*mitsaqan ghalidza*), yang sepatutnya tidak mudah pecah, patah dan terpisah. Menurut Hasan (1997) mengungkapkan “ikatan pernikahan seharusnya dapat menumbuhkan rasa tenang dan tenteram (*as-sakinah*) yang didasari oleh rasa cinta (*mawaddah*) dan kasih sayang (*rahmah*)”. Keharmonian dalam hidup berumah tangga apabila hubungan tersebut dilandasi dengan rasa saling mencintai dan menyayangi antara pasangan suami isteri dalam ikatan pernikahan yang sah, dan ibu bapa dan anak-anak yang saling memerlukan dalam reda Allah SWT. Dalam al-Quran dan hadis yang menjelaskan mengenai ikatan kebahagiaan dalam keluarga yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.”

Ar-Rum, 30: 21

“Daripada Muhammad ibn Sa‘ad ibn Abi Waqqas daripada ayahnya berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya antara perkara yang membahagiakan itu ialah tanggungan yang baik, tempat tinggal yang selesa dan isteri yang solehah. Antara perkara yang menyeksakan ialah kenderaan yang buruk, tempat tinggal yang tidak selesa, dan isteri yang buruk (perangainya).”

At-Tabrani, no. hadis 329.

Dari sudut syariat pula, suami, isteri dan anak-anak telah dipertanggungjawabkan dengan amanah dan kewajipan tertentu iaitu mereka tidak boleh lari daripada melaksanakannya. Sebagai seorang suami seharusnya memberikan tanggungjawab nafkah kepada isteri, dan isteri pula sewajibnya memberikan layanan kepada suami dalam meraih keredaan Ilahi. Begitu juga ibu bapa kepada anak-anak, dan anak-anak kepada ibu bapa, saling melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagaimana perintah Allah yang telah ditetapkan seperti kepatuhan kepada ibu bapa (surah al-‘Isra, 17: 23) dan kewajipan ibu bapa dalam menerapkan bimbingan yang baik kepada anak-anak (surah al-Tahrim, 66: 6).

Penegasan oleh Jasmi et al. (2004) menyatakan bahawa tuntutan kewajipan dalam sebuah keluarga tidak hanya sekadar mendapatkan reda Allah SWT, namun kewajipan ini bagi memastikan aspek keharmonian sesebuah keluarga dapat dikekalkan, dipertahankan dan diperkuat dengan penekanan penjagaan hubungan yang baik sesama ahli keluarga. Mengambil pandangan Imam an-Nawawi menerusi karangan beliau Kitab *Riyadh al Solihin* (1983), telah menghuraikan tiga asas pembangunan sosial yang terdiri daripada pembangunan sosial individu kepada ahli keluarganya, pembangunan sosial dengan anggota masyarakat dan pembangunan sosial antara pemerintah dan rakyat atau rakyat kepada pemerintah (Jasmi et al. 2004). Beliau juga turut menghuraikan asas-asas yang menjadi keutamaan dalam mengecapi kebahagiaan rumah tangga yang bersandarkan kepada dalil al-Quran dan hadis. Antara yang disebutkan adalah seperti berikut:

1. Peranan seorang suami kepada isterinya untuk memahami sifat semula jadi mereka, memberi layanan yang baik, memberikan didikan dan mengadili isteri kepada suami yang berpoligami.
2. Peranan isteri kepada suaminya untuk memenuhi keperluan asas dalam perkahwinan, membantu memimpin rumah tangga dan berusaha mendapatkan reda suaminya.
3. Mendidik dan membimbing anak-anak dengan asas agama, membentuk dan menjaga maruah, dan membahagiakan dengan mendoakan kejayaan mereka.
4. Berbakti kepada ibu bapa dan menjaga hubungan baik dengan saudara mahupun kepada kawan ibu bapa.

Penjelasan an-Nawawi dalam membahaskan keharmonian dalam berkeluarga memenuhi dari aspek teras yakni sudut dalaman seperti akidah dan iman, dan aspek amalan iaitu sikap dan tatacara yang baik dalam menyikap hubungan damai bersama keluarga. Pandangan ini turut dijelaskan oleh Nur Zahidah dan Raihanah (2013) menyatakan elemen yang menjadi keutamaan dan teras kebahagiaan adalah berpaksikan sudut amal seperti niat,

akhlak, sosial, amanah, dan keselamatan fizikal dan ekonomi. Justeru, sudut iman seperti akidah dan ilmu yang mana jika dicantumkan kedua sudut tadi iaitu amal dan iman, maka akan melahirkan situasi keluarga yang *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* (Nur Zahidah & Raihanah 2013).

Dapat disimpulkan bahawa kebahagiaan keluarga menurut Islam tidak hanya menuntut berdasarkan aspek lahiriah sahaja, akan tetapi tuntutan rohani juga menjadi teras kepada kebahagiaan. Rasulullah SAW dijadikan contoh ikutan keluarga Islam yang memainkan peranan dan perwatakan penting sebagai panduan kepada manusia sejagat. Sementara al-Quran dan hadis juga menjelaskan asas-asas kebahagiaan dalam berkeluarga bahkan menyingkapi hikmah sebagai balasan kepada mereka yang taat. Dalam hubungan keluarga yang melibatkan saudara baru dengan keluarga bukan Muslim, Islam tidak menegah selagi mana tidak mendatangkan keburukan kepada saudara baru terutama terhadap agama Islam yang baharu dianutnya. Islam begitu mementingkan menjaga silaturahim walaupun berbeza agama terutamanya kepada kedua ibu bapa mereka yang masih belum beragama Islam. Sesungguhnya, memeluk Islam bukan bermaksud terputus hubungan kekeluargaan, tetapi wajib mengekalkan hubungan interaksi kekeluargaan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak kepada kedua ibu bapa bukan Muslim dengan cara yang baik dan tidak melanggar hukum Islam.

FENOMENA KELUARGA BEZA AGAMA DI SABAH

Keluarga beza agama merupakan sebuah keluarga yang ahlinya berlainan agama. Terdapat dua jenis bentuk hubungan keluarga beza agama, pertama hubungan campuran yang tidak melibatkan penukaran agama ahli keluarga seperti pasangan suami isteri yang berkahwin dan masih ingin kekal dengan agama masing-masing (Nesbitt & Arweck 2010). Kedua, hubungan campur agama yang melibatkan penukaran agama ahli keluarga contohnya daripada agama Kristian kepada Islam (Mohd Nazmi et al. 2021). Umumnya keluarga beza agama bukan suatu bentuk hubungan baru untuk diterokai kerana ianya sudah menjadi kelaziman dan fenomena sesebuah masyarakat setempat. Dapat dikenal pasti pelbagai faktor yang memberi kesan langsung kepada pembentukan keluarga ini seperti penukaran agama ahli keluarga, perkahwinan ataupun disebabkan pergaulan semasa masyarakat berbilang agama yang menjadi mungkin terbinanya hubungan keluarga sebegini.

Di Sabah, keluarga beza agama menjadi salah sebuah identiti unik masyarakat kerana perkongsian hidup bersama tidak hanya dimanifestasikan melalui pergaulan semasa masyarakat tempatan, akan tetapi turut ditonjolkan melalui bentuk hubungan keluarga. Jika diselami lebih mendalam lagi, pembentukan keluarga beza agama di Sabah dapat dikenal pasti melalui dua faktor utama, faktor luaran iaitu pergaulan semasa antara masyarakat pelbagai agama yang menjadi penyebab kepada penukaran agama (Mohd Nazmi 2022). Kedua ialah faktor dalaman disebabkan perkahwinan campur yang melibatkan penukaran agama ataupun tidak melibatkan perkahwinan (Suraya & Budi 2016). Melihat kepada faktor dalaman, penukaran agama lazimnya dikaitkan kepada pemelukan agama Islam yakni kelompok saudara baru. Merujuk kepada Jadual 1 menyatakan bilangan saudara baru yang telah didaftarkan secara rasmi oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sehingga tahun 2019.

Jadual 1. Statistik Saudara Baru Negeri Sabah Tahun 2010-2019


Daerah/ Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Bangi	25	15	16	21	57	13	19	30	12	30	238
Beaufort	85	70	51	62	66	48	53	30	43	38	546
Keningau	232	224	206	184	219	149	184	163	139	155	1855
Kinabatangan	31	31	20	11	19	27	16	17	9	12	193
Kota Belud	71	72	97	75	58	56	46	39	31	55	600
Kota Kinabalu	786	773	817	798	769	679	738	705	720	685	7471
Kota Marudu	134	139	120	130	137	76	92	90	106	96	1120
Kuala Penyu	20	5	10	11	2	5	5	5	5	7	75
Kudat	56	59	46	36	34	20	26	64	28	40	409
Kunak	23	25	33	20	13	9	6	14	9	15	167
Labuk & Sugut/ Beluran	86	100	73	87	63	24	39	49	43	38	602
Lahad Datu	153	90	101	60	89	64	63	68	82	92	862
Lain-lain	3	1	0	2	10	0	0	0	0	0	16
Matung-gong	18	31	22	19	25	12	5	17	15	18	182
Membakut	30	23	15	20	15	14	17	16	9	10	169
Menumbok	8	1	2	2	2	1	0	1	0	0	17
Nabawan / Pensiangan	31	27	36	44	27	16	23	43	32	30	309
Papar	62	53	54	66	55	45	61	37	33	57	523
Penampang	37	26	24	14	10	5	2	1	2	0	121
Pitas	66	55	44	52	54	38	62	56	25	57	509
Putatan	1	0	1	4	3	18	11	5	5	8	55
Ranau	131	120	161	107	119	78	84	88	97	85	1070
Sandakan	202	157	188	139	140	130	134	143	116	115	1464
Semporna	32	29	23	7	13	30	17	13	9	5	185
Sipitang	42	43	36	34	29	19	30	21	10	25	289
Sook	23	16	17	20	21	30	14	24	21	18	225
Tambunan	27	35	34	18	21	9	11	13	17	17	203
Tamparuli	0	1	0	1	15	30	31	11	13	8	110
Tawau	147	147	136	123	139	143	140	98	93	93	1259
Telupid	4	10	16	7	5	8	3	3	8	5	69
Tenom	69	66	81	66	50	50	51	165	40	35	673
Tongod	2	4	4	1	1	6	2	2	4	8	34
Tuaran	127	112	98	100	63	61	40	69	70	56	796
Tungku	1	0	10	4	0	10	10	7	3	11	56
Jumlah	2765	2560	2592	2345	2343	1923	2035	2111	1849	1924	22447

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) (2020)

Jadual 1 di atas dapat diperhatikan, dalam tempoh 10 tahun (2010-2019), jumlah saudara baru mencatatkan seramai 22,447 orang saudara baru direkodkan. Rekod terbanyak adalah dari daerah Kota Kinabalu (7471 orang), dituruti daerah Keningau (1855 orang) dan Sandakan (1464 orang). Menurut Mohd Nazmi (2022), saudara baru adalah menjadi petunjuk kepada kelompok keluarga beza agama di Sabah kerana setiap daripada mereka masih mempunyai keluarga yang bukan Muslim. Terdapat sebahagian daripada mereka yang menetap dengan keluarga bukan Muslim termasuklah masih menjalani aktiviti-aktiviti kekeluargaan bersama mereka. Boleh dikatakan, semakin ramainya populasi saudara baru semakin banyak kelompok keluarga campuran ini. Dengan kata lain, implikasi daripada penukaran agama yang berlaku


dalam kehidupan saudara baru bukan sahaja membentuk satu perubahan secara individu, akan tetapi turut mengalami perubahan kepada strata agama dalam keluarga yang kini bersifat majmuk. Perkara ini dapat dilihat daripada dapatan yang diperolehi di lapangan seperti berikut:

Kes 1: Dua agama




Rajah 1. Keluarga informan 3

Kes 2: Tiga agama



Rajah 2. Keluarga informan 6

Kes 3: Empat agama



Rajah 3. Keluarga informan 2

Kes di atas memaparkan beberapa contoh keluarga beza agama yang diperolehi di lapangan yang menunjukkan sebanyak dua hingga empat agama dalam sebuah keluarga. Keadaan ini secara tidak langsung menuntut adaptasi penyesuaian budaya dalam kehidupan seharian serta persefahaman yang tinggi antara kedua-dua pihak terhadap perkara yang melibatkan batas peraturan agama dan tuntutan kewajipan agama mengikut ajaran agama masing-masing. Dengan itu, percambahan kelompok keluarga beza agama di Sabah yang melibatkan penukaran agama khususnya kepada agama Islam sangat signifikan dengan kenaikan bilangan saudara baru.

CABARAN DALAM HUBUNGAN KELUARGA BEZA AGAMA

Terdapat beberapa cabaran yang telah dikenal pasti dalam hubungan keluarga beza agama seperti berikut.

Penyesuaian Semula Hubungan Keluarga

Konflik yang dihadapi tidak hanya melibatkan cabaran oleh saudara baru mahupun keluarga bukan Muslim, tetapi ianya sering terkait antara kedua-duanya yang melibatkan konflik hubungan keluarga secara dalaman dan luaran (Faisal & Yusoff 2019). Oleh itu, harus difahami bahawa seseorang yang berada di peringkat pasca penukaran suatu agama mengalami pelbagai cabaran terutama apabila berhadapan dengan keluarga mereka, keadaan persekitaran anutan baru seseorang tidak semudah yang disangka. Kajian awal mengenai penukaran agama telah menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan daripada keluarga, budaya dan tradisi terhadap identiti, yang secara kebetulan sangat mempengaruhi pemeliharaan identiti agama seseorang (Azarudin & Khadijah 2014). Selain itu, hubungan mula dilihat semakin renggang dan tidak diendahkan, penyisihan, dan pertentangan secara terang-terangan yang menyebabkan perbalahan dalam ahli keluarga (Sahad et al. 2013).

Konflik dalam hubungan keluarga berbeza agama juga adalah berpunca daripada perbezaan pendapat yang didorong atas sebab perbezaan agama serta permasalahan yang memerlukan persefahaman yang tinggi pada perkara yang tidak dapat disepakati bersama (Verma & Sukhrmani 2018). Dapat diperhatikan secara jelas bahawa hubungan kekeluargaan yang dibina daripada dua pihak yang berbeza agama menimbulkan kejanggalkan pada peringkat awal penyesuaian hubungan disebabkan berlaku perubahan drastik yang melibatkan perlunya kepada penyesuaian budaya pada perkara-perkara yang melibatkan batas agama dan tuntutan agama (Mohd Nazmi 2022; Suraya et al. 2024).

Penukaran Agama kepada Islam

Dalam konteks keluarga beza agama, faktor pembentukan keluarga beza agama dapat dilihat melalui pemeluk agama Islam atau penukaran agama kepada Islam dalam kalangan salah seorang daripada ahli keluarga bukan Muslim sama ada disebabkan faktor perkahwinan mahupun bukan faktor perkahwinan yang masih ingin mengekalkan ikatan kekeluargaan. Apabila membincangkan mengenai saudara baru atau pemeluk agama Islam, terdapat beberapa perspektif negatif disebabkan pembawaan jenama 'Islam' muncul dalam kelompok bukan Muslim. Segelintir masyarakat beranggapan bahawa 'saudara baru' dilabel sebagai pengkhianat kepada bangsa sendiri yang menyebabkan kalangan ahli keluarga merasa malu mempunyai ahli keluarga yang memeluk agama Islam (Azaruddin & Khadijah 2014). Adalah tidak menghairankan bahawa keluarga bukan Muslim menentang pengIslaman yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga yang berpunca daripada momokan masyarakat bukan Muslim terhadap agama Islam. Saudara baru dianggap sebagai pembelot atau '*defector*' yang akhirnya

menjadi salah satu faktor penyumbang kepada gejala ini berlaku kerana sikap prejudis (Azaruddin & Khadijah 2014).

Perkara ini bertepatan berdasarkan beberapa kajian mengenai isu-isu yang membabitkan penukaran agama kepada pemeluk Islam seperti Mohd Nazmi (2022), Azirawati et al. (2021) dan Alyedreessy (2016). Kajian-kajian ini membincangkan bukan sahaja berkenaan pemeluk agama Islam saudara baru, namun turut memaparkan konflik dalaman yang dihadapi oleh mereka sewaktu pasca penukaran terhadap tentangan bersama ahli keluarga bukan Muslim. Sebahagian besar daripada kajian mengenai saudara baru mengklasifikasikan hubungan tegang berlaku pada peringkat awal pemeluk Islam (Suraya 2012; Azaruddin & Khadijah 2014). Hubungan tegang ini berlaku apabila wujud tentangan keluarga terhadap pengislaman saudara baru dengan menganggap Islam sebagai agama yang menyusahkan, tidak mudah berkompromi, suka membeza-bezakan antara satu sama lain, dan sukar beradaptasi dengan budaya dan kehendak semasa di samping memutuskan tali silaturahim serta terlalu terikat dengan cara hidup orang Melayu (Sahad et al. 2013). Namun kajian-kajian awal (Mohd Nazmi 2022; Suraya et al. 2024) menunjukkan konflik hubungan tegang ini tidak berpanjangan dan akan mengalami perubahan secara berperingkat kepada hubungan yang lebih positif.

Impak Psikologi

Secara tradisinya, konflik dalam keluarga beza agama bukan hanya disebabkan perbezaan anutan dan kepercayaan, namun secara psikologinya ia berpunca dari kesan ketidakrelaan dan ketidaksediaan keluarga terhadap perubahan yang berlaku tanpa diduga (Hamdanah 2018). Kesan-kesan psikologi ini dapat dikenal pasti dalam beberapa kajian awal yang menyatakan kesan sampingan yang timbul dalam hubungan keluarga beza agama, terutama yang melibatkan impak psikologi dan emosi seterusnya membawa kepada ketegangan hubungan keluarga. Antaranya ialah, Sely (2018) menyatakan masyarakat sekeliling yang masuk campur dalam urusan keluarga seperti menjadi 'batu api' sehingga menyebabkan persengketaan keluarga berlaku; penyesuaian diri saudara baru dengan cara Islam dan keluarga bukan Muslim (Alyedreessy 2016); pelaksanaan kewajipan dan tuntutan agama apabila keluarga beza agama yang tinggal bersama; dan terdapat masalah dalam membesarkan anak apabila ibu dan ayah mereka mempunyai latar belakang agama yang berbeza (Hamdanah 2018).

Di samping itu, kesan-kesan sampingan yang dirasakan oleh saudara baru tidak hanya pada kelompok barunya, iaitu rakan Muslim asal mahupun dari kalangan saudara baru itu sendiri. Akan tetapi sering mendapat kecaman atau sisihan oleh rakan dan keluarga bukan Muslim sendiri terhadap perubahan yang dialami oleh saudara baru tersebut (Sahad *et al.*, 2013). Kesan sampingan ini turut dirasakan apabila salah seorang ahli keluarga menukar agama dan mendapati kesukaran terhadap hal-hal berkaitan masalah penyesuaian dari sudut ibadat dan makanan (Shaharuddin et al. 2016). Perubahan drastik ini perlunya kepada penyesuaian fizikal, moral, dan mental sepanjang proses pemulihan hubungan keluarga ini (Alyedreessy 2016).

Oleh yang demikian, dapat diperhatikan berdasarkan fenomena hubungan saudara baru dan keluarga bukan Muslim yang sudah dijalankan sebelum ini, pendefinisian keluarga beza agama sudah menunjukkan kontradiksi yang ketara disebabkan percampuran agama dalam sesebuah keluarga. Apatah lagi sekiranya terdapat salah seorang ahli keluarga yang telah menukar agama mereka, sebagaimana yang dialami oleh saudara baru apabila mereka berada dalam tempoh penyesuaian hubungan sekeliling. Bahkan, kesan ini secara tidak langsung turut dialami oleh keluarga bukan Muslim, iaitu ketidaksediaan mereka dalam menempuh suasana yang datang tanpa diduga.

HIDUP DAMAI BERSAMA BERDASARKAN PENGALAMAN SAUDARA BARU DAN KELUARGA BUKAN MUSLIM

Hidup damai bersama dalam hubungan berkeluarga merupakan suasana tenteram dan tenang yang tercipta dan dirasakan oleh setiap ahli keluarga. Mewujudkan suasana ini perlunya kepada kerjasama antara ahli keluarga dengan menunjukkan rasa cinta dan kasih sayang. Mengambil pandangan sarjana dalam mendefinisikan keluarga damai seperti Sarlito (1982) menyatakan bahawa suasana damai dalam sebuah keluarga terletak pada dua situasi apabila terciptanya keinginan dan harapan daripada semua ahli keluarga, dan rendahnya konflik antara ahli keluarga. Keluarga yang damai juga merupakan keluarga yang penuh dengan ketenteraman, kasih sayang, kerjasama dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Meneliti hidup damai bersama dalam konteks keluarga berbeza agama memperlihatkan ciri hubungan tersendiri yang didasari oleh perbezaan anutan dan kepercayaan dalam sebuah keluarga. Pendekatan melalui penyesuaian semula hubungan antara ahli keluarga memerlukan persefahaman dan tolak ansur yang tinggi seterusnya menjadi tali penghubung kepada penerimaan setiap ahli keluarga. Kedamaian bersama yang dimanifestasikan dalam bentuk hubungan campuran ini adalah dilihat berdasarkan amalan mereka dalam usaha menjaga ikatan kekeluargaan. Dengan itu, suasana hidup damai bersama dalam konteks hubungan keluarga ini akan dijelaskan menerusi pengalaman saudara baru dan keluarga bukan Muslim berdasarkan beberapa amalan dan tindakan mereka.

Pengalaman Saudara Baru

Pada kebanyakan informan saudara baru, suasana hubungan keluarga di pasca penukaran agama kepada Islam seringkali mendapat tentangan daripada pihak keluarga bukan Muslim. Ianya dapat dijelaskan sebagai hubungan yang tinggi konflik dan rendah kesepakatan seperti wujud cabaran yang dihadapi oleh saudara baru daripada keluarga bukan Muslim. Pandangan ini turut dijelaskan oleh Mohd Nazmi (2022) iaitu suasana hubungan tegang merupakan satu kelaziman yang akan dihadapi pada kebanyakan saudara baru yang disebabkan perubahan agama. Walaupun demikian, situasi hubungan tegang adalah tidak berpanjangan disebabkan sikap yang ditunjukkan oleh saudara baru dalam usaha membaik pulih hubungan keluarga. Ujaran pengalaman ini dijelaskan seperti berikut:

“Plan asal saya mau masuk Islam sebelum kahwin, sekalilah dengan bini saya masa tu. Tapi, nasihat abang saya suruh kahwin dulu baru masuk Islam, sebab dia bilang senang mau atur pihak keluarga non-Muslim, satu hal lagi takut diorang kecewa sedangkan saya mau kahwin. Jadi saya setuju lah pendapat abang saya, saya kahwin dulu baru kami masuk Islam sama bini saya. Lepas semua tu selesai, baru saya masuk Islam dengan bini saya, pada awalnya keluarga saya terutama mama saya belum tau, bapa saya sudah lama meninggal, abang dan kakak sudah lama masuk Islam. Jadi, setelah diorang yang belum Islam ni tau saya dan bini saya masuk Islam, keadaan sedikit berubah, diorang nda kasitau tapi nampak dari cara, ambil masa jugalah perbetulkan keadaan tu. **Tapi tula, sebab jalan ini yang saya mau ambil, saya usahakan juga yang terbaik. Macam saya sendiri, paling utama saya jaga hormat orang tualah, lepastu kalau ada sindir-sindir tu saya diam jaklah, maafkan jaklah, biasalah keluarga, besok-besok baiklah tu.**” (Inf01-Kadazan/Keningau, 2020).

“Pada awal tu, lepas saya masuk Islam dalam tahun 2013, bapa sayalah paling nampak dia kecewa, mau marah. Mama saya pula, saya tidak pasti dia tapi dia diam sajalah, macam kecewa pun ada. Sebab dorang ni banyak salahfaham bah tentang Islam, sebab itu dorang nda boleh terima saya masuk Islam. **Jadi saya awal-awal tu, apa yang saya cuba buat macam hari raya saya balik kampung.** Walaupun awal-awal tu saya salam dorang nda terima, sedih jugalah saya. **Lepastu saya tunjukkanlah akhlak yang baik, macam hormat orang tua gitula. Lepastu, macam makan sama-samalah, biarpun dorang makan makanan lain, tapi masih tetap join dorang makan sama-sama, pastu kena banyak sabarlah.** Kadang kadang ada juga tu sindir-sindir, tapi saya diam jaklah. Macam sekarang ni okay-okaylah sudah dorang, open minded mau bercerita.” (Inf02-Kadazan/Sook, 2020).

“Kami macam biasa juga, masa **perayaan masih sambut sama-sama**, macam tu juga **kerjasamanya tiada yang berubah**. Apabila kami mengadakan macam persiapan untuk raya itu, kami tidak perlu panggil dorang juga, **kami sediakan sebaik mungkin untuk memastikan dorang datang sama, makan sama itu saja**. Kalau Krismas kan begitu juga, macam saya kan saya pikir sendirilah macam yang ada keluarga yang tidak berapa berkemampuan, **tidak berapa memiliki duitkan, kita sumbanglah, beras ka apa ka**. saya Nampak kalau macam saya punya keluarga kan, orang tua ni apabila melihat anaknya yang sifatnya baik, cara kehidupan yang baik, sebab apabila kami masuk Islam, kami punya acara itu sedikit berubah, bukan sedikit, banyak berubah, dari segi percakapan **nda meninggi suara, dan keprihatinan kita itu kepada orang tua**, sebab itu semua daripada ajaran yang kita, agama yang kita ikut itu. Lepastu, **lawat juga selalu**”. (Inf03-Rungus/Kota Marudu, 2020)

Apa yang jelas dinyatakan di atas merupakan antara sikap dan amalan yang dipraktikkan oleh saudara baru. Perbezaan agama yang dialami oleh mereka tidak menghalang untuk tetap bersama keluarga bukan Muslim mereka. Bahkan masih berusaha mengamalkan nilai murni seperti sikap menghormati, menziarahi, dan meraih keluarga dengan turut serta sewaktu makan dan perayaan bersama keluarga yang berbeza agama. Hasil dapatan turut menjelaskan bahawa sikap kurang selesa keluarga bukan Muslim terhadap perubahan mereka menyebabkan mereka lebih berusaha mempraktikkan amalan kebaikan untuk meyakinkan kepada keluarga bahawa perubahan mereka ini tidak sesekali mengubah ikatan kekeluargaan. Justeru, amalan inilah yang menjadi teras kepada hidup damai bersama yang dipraktikkan sendiri oleh informan saudara baru.

Selanjutnya, dapatan temu bual bersama informan daripada keluarga bukan Muslim berdasarkan pengalaman mereka dalam hubungan keluarga berbeza agama.

Pengalaman Keluarga Bukan Muslim

“Pada awal adik saya masuk Islam dengan suami dia tu saya terkejut juga, tapi sebab ada juga adik beradik lain yang sudah masuk Islam. So, saya okay sajalah, tapi mama saya macam nda berapa setuju, tapi saya pujuk dia okay saja bah tu. Mana-mana agama pun sama juga. Sekarang okay-okay sudahlah dia. Macam kami sini tiada juga masalah, yang penting saling memahamilah itu jak. Kalau ada yang nda ngam tu bincang. **Macam saya kan, kalau memasak tu saya kasi asing, sama juga barang-barang masak tu macam kualikan, saya kasi asing masa masak. Saya faham juga tu. Asal tiada timbulkan masalah, saya okay saja**”. (Inf04-Kadazan/Penampang, 2020).

“Macam kami tu sudah biasa sudah tu, sebab memang ada campur keluarga Muslim sudah, **tinggal sama-sama, sambut hari raya ka, krismas ka, macam tiada apa-apa suda tu**. Sebab sudah terbiasa. Lagi bercampur ni memang dari dulu lagi, nama saya sendiri pun macam Islam sudah, sebab atuk saya Islam. **Cumannya, yalah kita hormat dorang, dorang hormat kita itu jak. Jangan buat masalah, paham juga tu. Soal makanan pun begitu juga, pandai-pandai mau paham yang mana dorang boleh mana yang nda boleh**”. (Inf05-Dusun/Keningau, 2020).

“Saya melihat secara peribadi, walaupun adik saya bertukar agama, tapi dia, tidak berubah, **dia masih lagi adik saya**, macamtu, malah selepas dia memeluk agama Islam, setelah beberapa lama **saya telah berusaha untuk mengingatkan kepada kedua-dua ibu bapa saya kita harus menghormati kedua-dua pilihan dengan fikiran terbuka**. Sebab, masa awal-awal adik saya masuk Islam, orang tua kami kecewa betul, yang paling susah mau terima bapa saya, kalau mama saya menangis jugalah. Tapi, lama kelamaan, hanya masa saja yang mengubati. Lagipun, sebab apa yang saya nampak, dia setelah memeluk agama Islam, dia mengimani agama yang dia pilih itu, dia tidak main-main, sebab ada sesetengah individu yang saya nampak dia memeluk agama Islam kerana keadaan terpaksa, begitu. Kita pun sudah soal selidik, dia pun sudah minta kebenaran, dia pun ambil masa juga yang lama juga untuk memeluk agama Islam, selepas minta kebenaran jadi kita tengok dia punya peralihan hidup dia selepas dia memeluk agama Islam, lebih menjurus kepada kebaikanlah. Lagipun dia masih lagi nda berubah, dia masih lagi adik saya.” (Inf06-Dusun/Keningau, 2020).

“Yang kedua itu, yang paling penting **kita hormat menghormati agama dia**, dia hormat agama kita, **kita berusaha memahami cara kehidupan baru dia**, kita **berusaha untuk memberi dia keselesaan misalnya dari segi makanan**, sebab kami kan non-Muslim, jadikan dari segi makanan macamtu, kita akan bagitau sekiranya dia akan pulang, dia bagitau macam ini, kita apalah yang kami dapat sediakan untuk dia, kami bagitau, dan apa yang kami tidak dapat sedia kami kasitaulah. Kami juga **bagitau pengetahuan asas kepada anak-anak kami sekiranya masa solat camtu**, kita tidak mau anak-anak kita bising begini, kita mau anak-anak kita begitu meghormati juga adik kami. Selain itu, **kita doakanlah yang terbaik untuk dia**, **kita sokong dia walaupun dia punya agama lain**, pegangan dia lain, kami **tidak pernah membeza-bezakan dia**. Dan dalam doa pun kami mendoakan yang terbaik atas pilihan yang dia pilih. Jangan membenci dan jangan menghakimi” (Inf07-Dusun/Sook, 2020).

Berdasarkan situasi di atas, tidak dinafikan pada kebanyakan kes mereka merasa terkejut dan kecewa disebabkan perubahan agama berlaku dalam keluarga. Kebanyakan daripada mereka juga mengakui bahawa mereka memerlukan tempoh tertentu yang agak lama disebabkan perubahan drastik, apatah lagi melibatkan perbezaan agama yang mungkin akan berlakunya kesalah fahaman dan kekeliruan terhadap batas dan peraturan agama yang berbeza. Hubungan dilihat bermasalah dan berkonflik disebabkan kesukaran dalam memahami batas perbezaan agama. Walaupun demikian, suasana damai kembali seperti sedia kala disebabkan keinginan untuk memperbaiki hubungan keluarga agak tinggi sehinggakan terpaksa akur dan rela dengan situasi berlaku. Berusaha memahami cara kehidupan dan aturan agama berbeza dan budaya menghormati menjadi teras keluarga bukan Muslim untuk mengekalkan hubungan keluarga. Bahkan, mereka juga turut mendoakan yang terbaik dan memberikan sokongan kepada keluarga yang telah menukar agama mereka kepada Islam.

Dengan itu, berdasarkan kepada kedua-dua pengalaman yang dilalui oleh beberapa informan saudara dan keluarga bukan Muslim di atas memperlihatkan suasana damai dalam konteks keluarga beza agama. Kedamaian keluarga campuran ini sedikit berbeza dengan keluarga seagama disebabkan memerlukan proses penyesuaian semula yang mengambil masa dalam membaik pulih hubungan. Menerusi pengalaman hidup damai bersama yang dilalui informan membuktikan amalan dan sikap baik mereka secara berterusan. Bahkan, ikatan kekeluargaan yang ingin dikekalkan turut menjadi penguat kepada hubungan keluarga untuk kekal bersama.

Bertitik tolak daripada perkara tersebut, maka perkongsian hidup mereka lebih jelas diperhatikan melalui beberapa situasi seperti makan semeja, tinggal serumah bahkan saling menyambut perayaan bersama walaupun berbeza agama. Dengan wujudnya kesepakatan seperti ini, maka faktor perbezaan yang dialami tidak lagi menjadi isu kepada mereka untuk terus berbalah lantaran perkara yang tidak dapat disepakati bersama. Maka dalam situasi inilah menjadi ruang dan peluang dalam melahirkan suasana damai mereka. Tambahan pula, bentuk hubungan keluarga ini juga boleh dijadikan sebagai platform dalam menjelaskan perbezaan dengan mengenali perbezaan agama yang dialami dalam konteks keluarga mahupun masyarakat luar seterusnya mampu untuk menjernihkan daripada sikap prejudis dan bersangka buruk kepada agama lain (Suraya et al. 2022b).

Tuntasnya, suasana majmuk agama dalam sebuah keluarga sudah menjadi kebiasaan antara masyarakat di Sabah. Boleh dikatakan fenomena keluarga beza agama ini menjadikan identiti negeri Sabah yang menarik untuk diterokai dan ditonjolkan. Keunikan hubungan ini merupakan salah satu tunjang kekuatan masyarakat di Sabah dalam usaha membangunkan suasana harmoni antara agama (Suraya et al. 2022d). Kehadiran saudara baru dalam keluarga bukan Muslim tidak lagi menjadi satu kejanggalan pada sesetengah keluarga dan masyarakat. Hal ini disebabkan bagi sesetengah daripada keluarga mereka sudah mempunyai sebilangan ahli keluarga yang memeluk agama Islam lebih awal.

Berdasarkan kepada kajian kes di atas, peralihan sifat hubungan daripada tegang kepada menerima menjelaskan kepada situasi sebenar yang berlaku dalam keluarga beza agama. Pada awal hubungan keluarga bukan Muslim berasa kurang senang atas perubahan tersebut, namun pada tempoh mendatang mereka akur dan rela dengan perubahan tersebut

disebabkan hubungan kekeluargaan yang masih ingin dipertahankan. Melalui saudara baru pula berusaha dalam meyakinkan pihak keluarga bukan Muslim bahawa perubahan mereka hanya berlaku pada aspek anutan dan kepercayaan, namun tidak sedikit pun menghilangkan identiti mereka sebagai salah seorang daripada ahli keluarga tersebut. Dapatan kes sebegini juga sudah dijelaskan oleh Suraya (2012) dan Mohd Nazmi (2022) dengan mengklasifikasikan bentuk-bentuk hubungan keluarga beza agama, iaitu bersifat menentang atau menolak, menerima atau menyokong, akomodasi dan neutral. Hubungan yang pada asalnya harmoni berubah kepada tegang disebabkan perubahan yang berlaku, namun kembali kepada sedia kala disebabkan sikap dan amalan oleh kedua-dua pihak iaitu saudara baru dan keluarga bukan Muslim.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa hidup damai bersama menjadi pegangan hidup dalam setiap keluarga. Menurut agama Islam sendiri telah menjelaskan, institusi kekeluargaan sewajarnya menjadi ruang kepada ahlinya untuk hidup berdamai. Menyelami pengalaman hidup damai bersama yang dimanifestasikan dalam hubungan keluarga beza agama di Sabah pula dapat diperhatikan berdasarkan sikap dan amalan berterusan mereka seperti saling menghormati dan memahami. Tambahan pula, ikatan kekeluargaan menjadi teras kedamaian walaupun berhadapan dengan keluarga yang berbeza fahaman, anutan dan amalan. Dapat dirumuskan sikap timbal balik oleh saudara baru dan keluarga bukan Muslim seperti saling menghormati dan memahami yang tinggi mampu menepis isu perbezaan antara mereka. Amalan-amalan murni yang dipraktikkan tersebut menjadi pemangkin kehidupan damai bersama walaupun dipisahkan dengan perbezaan agama dan berupaya menjadi landasan kepada pengukuhan hubungan harmoni antara agama.

PENGHARGAAN

Kajian ini merakamkan ucapan terima kasih di atas dana penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2019/SSI05/UMS/02/1, dan UMSSGreat, GUG0504-2/2020.

RUJUKAN

- Abud, A. G., & Junaidi, L. 2004. *Keluargaku surgaku: makna pernikahan, cinta, dan kasih sayang*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Ahmad al-Shawi M. 1993. *Hasyiah al-alamat al-shawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Shalaby. 2001. *Perbandingan agama: Agama Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-'Adawi, M. A. t.th. *Da'wah al-rusul Ila Allah*. Kaherah:Mustafaal-Bab al-Halabi.
- Al-Bukhari, A. M. I. 1999. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam Lil Nasyri wa al-Tauzi.
- Al-Khin, M. 2011. *Al-fiqh al-manhaji mazhab al-Syafie*. Terj. Zulkifle Mohamad al-Bakri. Cetakan pertama. Jilid 3. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Qurtubi, A. A. M. 1967. *Al-jamil al-ahkam al-Quran*, ed. Abdillah ibn abd al-Hassan al-Tarki. Kaherah: Dar al Katibal-arabi al-Tobaah wa al-nasyr.
- Alyedreessy, M. 2016. *British Muslim converts: an investigation of conversion and de conversion processes to and from Islam*. Doctoral thesis, United Kingdom: Kingston University.
- An-Nawawi, M. Z. Y. 1983. *Riyad al-solihin*. Beirut: Daral-Fikr al-Ma'asir.

- An-Nasa'i, A. R. A. 1988. *Sunan an-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- At-Tabrani, Q. S. 1994. *Al-mu'jam al-kabir*. Ed., Hamdi ibn Abd. Majid al-Salafi. Kaherah: Maktaba Ibn Taimiyyah.
- Azarudin, A. B. & Khadijah, M. K. 2014. Bentuk-bentuk hubungan Muslim-non Muslim selepas pemelukan agama: Kajian kes dalam kalangan mualaf Cina Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan*, 12(2).
- Az-Zuhaili, M. 2011. *Al-mu'tamad fi fiqh al-Syafie*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Faisal Azni, N. L., & Yusoff, Y. M. 2019. Nurturing an Islamic identity throughout familial conflict among new reverts: A critical review. *Sains Insani*, 4(1): 22-29.
- Hamdanah, H. 2018. Psychological impacts on interfaith families in Palangkaraya in educating their children. *The Open Psychology Journal*, 11: 279-291.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). 2020. Statistik Saudara Baru Negeri Sabah Tahun 2010-2019.
- Jasmi, K. A., Muhammad, A., & Mohamed, A. K. 2004. Asas kebahagiaan rumahtangga mengikut paradigma an-Nawawi. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004*.
- Merriam Webster. 1828. Merriam-Webster Dictionary. In *Merriam-Webster Dictionary*.
- Mohd Farid M. S. 2008. *Muzakarah pendisiplinan dialog antara agama dan peradaban*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Nazmi, M. K., Suraya, S., Khadijah, M. K., Syamsul, A. M., & Nur Farhana, A. R. 2021. Models of religious solidarity among various beliefs in Sabah, Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)* 7(2): 17-40.
- Mohd Nazmi, M. K. 2022. *Nilai Rahmah dalam hubungan keluarga beza agama di Keningau Sabah*. Tesis Sarjana, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Muslim, A. H. M. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Nesbitt, E., & Arweck, E. 2010. Issues arising from an ethnographic investigation of the religious identity formation of young people in mixed-faith families. *Fieldwork in Religion*, 5(1): 8-31.
- Nur Zahidah J. & Raihanah, A. 2013. Model keluarga bahagia menurut islam. *Jurnal Fiqh*, 8: 25-44.
- Sahad, M., Abdullah, S., & Abdullah, S. 2013. Malaysian news report on Muslim converts' issues: A study on Malaysiakini. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(13).
- Sarlito, W. S. 1982. *Menuju keluarga bahagia*. Jakarta: Bathara Karya Aksara.
- Fajar S. 2018. *Penerapan nilai-nilai harmonisasi keluarga beda agama (studi keluarga beda agama di Dusun Ngrandu, Desa Karangbangun, Kecamatan Jumapolo, Kabupaten Karanganyar)*. Tesis PhD, Indonesia: IAIN Surakarta.
- Shaharuddin, S. A., Abdul Majid, M., Abdullah, M.Y.M., Sungit, F., Abd. Hamid, Z., & Shaharuddin, H.N. 2016. Isu dan permasalahan mualaf (Cina) di Malaysia. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah*.
- Suraya, S. 2012. *Dialog kehidupan dalam pengalaman saudara baru di Sabah*. Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya.
- Suraya S., & Budi Anto, M. T. 2016. Pattern of intermarriage in Keningau: A preliminary study towards religious tolerance. *Jurnal UMRAN*, 2(1): 34-50.
- Suraya, S., Khadijah, M. K., Mohd Nazmi, M. K., & Hajimin, M. N. H. H. 2022a. Solidariti agama dalam hubungan inter-komuniti di Sabah. *Akademika* 92(2): 187-205.
- Suraya, S., Khadijah, M. K., Mohd Nazmi, M. K., Romzi, A., Syamsul, A. M., & Harlina, S. M. Y. 2022b. The spirit of human fraternity pervades Sabah's inter-religious landscape preserving unity in diversity. *Afkar: Jurnal Akidah and Pemikiran Islam* 24(1): 191-242.

- Suraya, S., Mohd Nazmi, M. K., Khadijah, M. K., & Rosazman, H. 2022d. Menjana Keharmonian Melalui Jalinan Kerjasama antara Penganut Beza Agama di Sabah. *e-BANGI* 19(6): 88-102.
- Suraya, S., Assis, K. & Mohd Nazmi, M. K. 2024. Interaksi sosial dalam hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau, Sabah. *Kajian Malaysia* 42(2): 289-314.
- Umi A. H. & Zuliza M. K. 2020. Konsep interaksi kekeluargaan mualaf dengan ibu bapa bukan Muslim menurut syarak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 141–149.
- Verma, S., & Sukhramani, N. 2018. Interfaith marriages and negotiated spaces. *Society and Culture in South Asia* 4(1): 16-43.
- Zulkifli. M. A. B. 2018. Konsep fiqh al-ta'ayush: Isu di Malaysia dan penyelesaiannya. *Bayan Linnas Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2826-bayan-linnas-siri-ke-155-konsep-fiqh-ta-ayush-isu-di-malaysia-dan-penyelesaiannya>.

MOHD NAZMI MOHD KHALLI
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

SURAYA SINTANG*
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah
suraya@ums.edu.my

KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
ijamh@um.edu.my

*Pengarang koresponden: suraya@ums.edu.my

Received: 23 January 2024 / Accepted: 18 October 2024 / Published: 15 December 2024